## Mohammad Hazri bin Ramle lwn John Doe dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — RAYUAN SIVIL NO B12-775 TAHUN 2010
SURAYA OTHMAN H
31 JULI 2012

*Keterangan — Beban pembuktian — Pemindahan beban — Kes sivil — Beban pembuktian pada bahu plaintif untuk membuktikan kesnya — Sama ada beban tidak berpindah kepada defendan selagi plaintif tidak berjaya membuktikan kesnya*

*Keterangan — Pengakuan — Saksi — Pemeriksaan — Sama ada soalan atau cadangan yang dilontarkan oleh peguamcara defendan ketika pemeriksaan saksi boleh dianggap sebagai pengakuan oleh pihak defendan*

*Keterangan — Saksi — Kredibiliti — Sama ada kelewatan dalam membuat laporan polis dan kegagalan memberikan butir-butir terperinci dalam laporan polis menunjukkan saksi tidak boleh dipercayai*

*Keterangan — Saksi — Pemeriksaan — Pengakuan — Sama ada soalan atau cadangan yang dilontarkan oleh peguamcara defendan ketika pemeriksaan saksi boleh dianggap sebagai pengakuan oleh pihak defendan*

*Tort — Kemalangan jalan raya — Liabiliti — Rayuan — Defendan menafikan terlibat dalam kemalangan — Sama ada motosikal plaintif bertembung dengan motolori defendan atau bertembung dengan kereta lain — Versi keterangan bercanggah — Sama ada pembelaan penafian penglibatan dalam kemalangan diplidkan — Sama ada cadangan pelanggaran oleh peguam semasa pemeriksaan saksi boleh diambil sebagai pengakuan kemalangan — Sama ada plaintif gagal membuktikan kemalangan disebabkan oleh defendan*

Perayu/plaintif mendakwa bahawa semasa beliau menunggang motosikalnya, motolori kepunyaan responden/defendan secara tiba-tiba telah masuk ke laluan beliau dari arah bertentangan dan menyebabkan motosikal plaintif bertembung dengan motolori tersebut. Defendan menafikan penglibatan dalam perlanggaran itu. Menurut defendan, ketika beliau sampai di tempat kejadian, beliau telah melihat motosikal plaintif melanggar sebuah kereta Kancil bernombor WEB 1278 di mana selepas pelanggaran tersebut, motosikal

tersebut telah jatuh dan menggelongsor ke arah motolori defendan. Defendan mendakwa bahawa beliau telah mengelak dengan membelokkan motolori beliau masuk ke laluan bertentangan dan kemudian membelok untuk masuk semula ke dalam laluan beliau tanpa melibatkan pelanggaran di antara motolori beliau dengan motosikal plaintif. Versi keterangan plaintif dan defendan berkaitan kejadian tersebut bercanggah sama sekali. Tidak ada saksi bebas dan tidak ada mana-mana pihak yang telah disaman oleh pihak polis. Siasatan polis juga tidak lengkap memandangkan penolong pegawai penyiasat yang hadir memberikan keterangan tidak menyedari kewujudan laporan polis yang dibuat oleh defendan untuk menafikan penglibatan beliau di dalam kemalangan tersebut. Motolori dan motosikal tersebut juga tidak diperiksa atau diambil gambar untuk menentukan sebarang kerosakan akibat dari kemalangan tersebut. Maka, hakim mahkamah sesyen ('HMS') telah membuat dapatan bahawa plaintif gagal membuktikan kemalangan tersebut adalah disebabkan oleh kecuaian defendan atau bahawa kenderaan defendan terlibat di dalam kemalangan tersebut. Mengenai isu kuantum, bagi kecederan kepatahan tibia dan fibula sebelah kiri tanpa kependekan dengan kecacatan dan parut, HMS menetapkan award sebanyak RM22,000. Plaintif telah merayu terhadap liabiliti dan kuantuam. Plaintif berhujah bahawa ketika perbicaraan pihak plaintif telah dikejutkan dengan fakta baru yang tidak diplidkan iaitu dakwaan defendan bahawa plaintif telah berlanggar dengan kereta Kancil dan bukannya dengan motolori defendan. Plaintif juga mengatakan bahawa terdapat pengakuan (admission) oleh defendan bahawa terdapat pelanggaran di antara motosikal plaintif dan motolori defendan selepas motosikal plaintif berlanggar dengan kereta Kancil. Pengakuan ini dikatakan dibuat ketika peguamcara defendan memberikan cadangan di dalam pemeriksaan terhadap penolong pegawai penyiasat. Juga dikatakan bahawa kelewatan defendan membuat laporan polis dan kegagalan defendan menyatakan dengan jelas bagaimana kereta Kancil tersebut terlibat di dalam kemalangan itu menunjukkan bahawa defendan bukanlah saksi yang boleh dipercayai.

**Diputuskan**, menolak rayuan terhadap liabiliti dan membenarkan sebahagian rayuan terhadap kuantum tanpa perintah untuk kos:

(1) Defendan telah memplidkan isu mengenai penglibatan kenderaan lain dalam kemalangan itu. Defendan dari mula telah berpendirian bahawa pelanggaran yang berlaku di dalam kes ini hanya melibatkan sebuah motokar dan sebuah motosikal serta tidak melibatkan motolori defendan. Walaupun defendan tidak menyatakan jenis dan nombor motokar berkaitan, pembelaan tersebut adalah memadai dan cukup untuk memberitahu plaintif bahawa pembelaan utama yang diplidkan ialah bahawa pelanggaran hanya melibatkan motosikal plaintif dengan

sebuah motokar dan bukannya motolori defendan. Maka kehendak A 18 k 8(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dipatuhi (lihat perenggan 15).

(2) Soalan atau cadangan yang dilontarkan oleh peguamcara defendan ketika pemeriksaan terhadap saksi penolong pegawai penyiasat tidak boleh dianggap sebagai pengakuan oleh pihak defendan. Ini kerana soalan atau cadangan tersebut boleh dianggap sebagai cadangan semata-mata dan lanjutan dari versi keterangan plaintif yang mendakwa terdapat pelanggaran di antara motosikal plaintif dan motolori defendan (lihat perenggan 17).

(3) Pendekatan HMS dalam menilai keterangan berkaitan isu keterangan defendan mengenai kereta Kancil itu adalah wajar dan tidak tersalah arah dalam membuat dapatan fakta. HMS tidak mempertikaikan kredibiliti defendan dan plaintif. Kelewatan defendan dalam membuat laporan polis dan kegagalan defendan menyatakan jenis dan nombor kereta Kancil itu bukanlah sebab yang baik untuk merumuskan bahawa defendan tidak boleh dipercayai. Berdasarkan keterangan kes, sukar bagi HMS menentukan bagaimana kemalangan itu berlaku. Maka, tiada sebarang sebab untuk mengganggu dapatan HMS (lihat perenggan 18).

(4) Beban pembuktian adalah terletak di bahu plaintif untuk membuktikan kesnya di atas imbangan kebarangkalian. Oleh itu, selagi plaintif tidak berjaya membuktikan kesnya, bukanlah tugas defendan untuk menunjukkan beliau tidak cuai dalam kemalangan tersebut (lihat perenggan 20); *Loh Jue Tee & Anor v Low Chick Sum* [1989] 3 MLJ 332 dirujuk; *Ong Cheng Wah & Anor v Supramaniam a/l Arjunan* [2001] MLJU 291 dirujuk; *Wong Thin Yit v Mohamed Ali* [1971] 2 MLJ 175 dirujuk.

(5) Berkenaan kuantum, mahkamah menetapkan awad seperti berikut: bagi kecederaan kepatahan tibia dan fibula sebelah kiri awad dinaikkan dari RM22,000 kepada RM25,000; kecederaan susut otot diawardkan RM5,000; dan parut diawadkan RM5,000. Bagi keilatan pergelangan kaki yang terhad tiada sebarang award diberikan kerana ia sepatutnya dimasukkan dalam kecederaan kepatahan tibia dan fibula sebelah kiri (lihat perenggan 25).

**[English summary**

The appellant/plaintiff alleged that whilst he was riding his motorcycle, a lorry belonging to the respondent/defendant had suddenly entered into his lane from the opposite direction and caused the plaintiff's motorcycle to collide with the lorry. The defendant denied the involvement in the accident. According to the defendant, when he arrived at the scene of the incident, he saw the plaintiff's motorcycle crashed into a Kancil car No WEB 1278 whereby after the accident, the motorcycle fell and slide towards the defendant's lorry.

The defendant contended that he had evaded it by turning his lorry into an opposite direction and then turned to enter into his rightful way again without involving any accident between his lorry and the plaintiff's motorcycle. The plaintiff's and the defendant's version of the evidence in relation to the accident was totally contradicting. There was no independent witness and there was no party that had been summoned by the police. The police investigation was also incomplete as the assistant investigating officer who was present testified that he was not aware of the police report made by the defendant to deny his involvement in the accident. The lorry and the motorcycle were also not inspected or taken picture of in order to determine any damages arising from the accident. Thus the sessions court judge ('SCJ') made a finding that the plaintiff had failed to prove that the accident was caused by the defendant's negligence or that the defendant's vehicle was involved in the accident. As to the issue of quantum, for the injuries of fractures of left tibia and fibula without shortening with defects or scars, the SCJ fixed an award of RM22,000. The plaintiff had appealed against the liability and quantum. The plaintiff contended that during the trial the plaintiff was surprised with a new fact which was not pleaded ie the defendant's allegation that the plaintiff had collided into a Kancil car and not with the defendant's lorry. The plaintiff also stated that there was an admission by the defendant that there was an accident between the plaintiff's motorcycle and the defendant's lorry after the plaintiff's motorcycle collided into the Kancil car. This admission was said to have been made when the defendant's counsel proposed during the examination of the assistant investigating officer. It was also stated that the delay by the defendant in making the police report and the defendant's failure to state clearly how the Kancil car was involved in the accident showed that the defendant was not a reliable witness.

**Held**, dismissing appeal against liability and allowing appeal on quantum in part with no order as to costs:

(1) The defendant had pleaded the involvement of other vehicle in the accident. The defendant, from the beginning took the stand that the accident that took place in this case was only involving a car and a motorcycle and did not involve the defendant's lorry. Although the defendant did not state the type and the registration number of the car, the defence was adequate and sufficient to inform the plaintiff that the primary defence which was pleaded was that the accident had only involved the plaintiff's motorcycle and a car and not the defendant's lorry. Therefore, the requirement of O 18 r 8(1) of the Rules of the High Court 1980 had been complied with (see para 15).

(2) The question or proposal raised by the defendant's counsel during the examination of the witness assistant investigating officer could not be presumed to be admission by the defendant. This was because the question or proposal could only be taken as a mere recommendation and

a furtherance from the plaintiff's version of evidence which alleged that there was collision between the plaintiff's motorcycle and the defendant's lorry (see para 17).

(3) The SCJ's approach in evaluation of the evidence pertaining to the issue of the defendant's evidence with regards to the Kancil car was appropriate and had not misdirected in making a finding of fact. The SCJ did not dispute the credibility of the defendant and the plaintiff. The delay by the defendant in making the police report and the failure by the defendant to state the type and the number of the Kancil car was not a good reason to conclude that the defendant was unreliable. Based on the evidence in the case, it was difficult for the SCJ to conclude how the accident took place. Therefore, there was no reason to interfere with the findings of the SCJ (see para 18).

(4) The burden of proof was on the plaintiff to prove his case on the balance of probabilities. Therefore, as long as the plaintiff had not successfully proven his case, it was not the defendant's responsibility to show that he was not negligent in the accident (see para 20); *Loh Jue Tee & Anor v Low Chick Sum* [1989] 3 MLJ 332 referred; *Ong Cheng Wah & Anor v Supramaniam a/l Arjunan* [2001] MLJU 291 referred; *Wong Thin Yit v Mohamed Ali* [1971] 2 MLJ 175 referred.

(5) As for the quantum, the court fixed the award as the following: for the fractures of left tibia and fibula, the award was increased from RM22,000 to RM25,000; for muscle depletion the award was RM5,000; and for scars it was awarded RM5,000. For the limited invalidity of ankle there was no award as it should have been inserted in the injuries of the left tibia and fibula fractures (see para 25).]

**Nota-nota**

Untuk kes mengenai liabiliti, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 1945.

Untuk kes-kes mengenai kredibiliti, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perenggan 3152–3206.

Untuk kes-kes mengenai pemeriksaan, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perenggan 3231–3234.

Untuk kes-kes mengenai pemindahan beban, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perenggan 759–772.

**Cases referred to**

*China Airlines Ltd v Maltran Air Corp Sdn Bhd (formerly known as Maltran Air Services Corp Sdn Bhd) and another appeal* [1996] 2 MLJ 517; [1996] 3 CLJ 163, MP (dirujuk)

*Faizal bin Osman v Neelakandan a/l Manarsamy* [2008] 8 MLJ 55; [2008] 9 CLJ 536, MT (dirujuk)

*Hitam bin Abdullah & Anor v Kok Foong Yee (f) & Anor* [1974] 1 MLJ 193, PC (dirujuk)
*Kamalam a/p Raman v Eastern Plantation Agency (Johore) Sdn Bhd Ulu Tiram Estate, Ulu Titam, Johore & Anor* [1996] 4 MLJ 674, MT (dirujuk)
*Krishna Murthey & Anor v Law Lye Chua* [1992] 1 CLJ 684, MT (dirujuk)
*Loh Jue Tee & Anor v Low Chick Sum* [1989] 3 MLJ 332, MT (dirujuk)
*Ong Cheng Wah & Anor v Supramaniam a/l Arjunan* [2001] MLJU 291; [2001] 4 CLJ 202, MT (dirujuk)
*Ong Kim Hai v Kusaini bin Surip* [1984] 2 MLJ 285; [1984] 1 CLJ 310 (Rep); [1984] 2 CLJ 281, MP (dirujuk)
*Rasidin bin Partorjo v Frederick Kiai* [1976] 2 MLJ 214, MP (dirujuk)
*Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor* [1995] 3 MLJ 395, MR (dirujuk)
*Tay Tong Chew & Anor v Abdul Rahman bin Haji Ahmad* [1985] 1 MLJ 50, MP (dirujuk)
*Wong Thin Yit v Mohamed Ali* [1971] 2 MLJ 175, MP (dirujuk)
*Yahaya bin Mohamad v Chin Tuan Nam* [1975] 2 MLJ 117, PC (dirujuk)

**Undang-undang yang dirujuk**

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 18 k 8(1)

*S Viswanathan (G Dorai & Co) bagi pihak plaintif.*
*Ganesh Subramaniam (Khoo & Sidhu) bagi pihak defendan.*

**Suraya Othman H:**

RINGKASAN FAKTA KES

**[1]** Lebih kurang pukul 3 petang, pada 18 Oktober 2006, perayu/plaintif ('plaintif') menyatakan bahawa ketika beliau menunggang motosikal WGA 9084 dari rumah ke tempat kerja beliau, dan apabila beliau sampai di Jalan Subang selepas lampu isyarat Jalan Subang Monteres, beliau mendakwa bahawa sebuah motolori bernombor pendaftaran WFL 4951 secara tiba-tiba telah masuk ke laluan beliau dari arah bertentangan dan menyebabkan motosikal plaintif bertembung dengan motolori tersebut. Akibat dari kemalangan tersebebut, plaintif telah mengalami kecederaan patah kaki sebelah kiri.

**[2]** Sebagai jawapan, responden/defendan ('defendan') menafikan bahawa beliau terlibat di dalam perlanggaran yang didakwa oleh plaintif. Defendan memberikan keterangan bahawa ketika beliau sampai di tempat kejadian, beliau melihat di hadapan beliau iaitu dari arah bertentangan, datang sebuah motosikal. Motosikal tersebut telah melanggar sebuah kereta jenis Kancil bernombor WEB 1278 di mana selepas pelanggaran tersebut, motosikal tersebut telah jatuh dan menggelongsor ke arah motolori defendan. Selepas itu, defendan mendakwa bahawa beliau telah mengelak dengan membelokkan

motolori beliau masuk ke laluan bertentangan dan kemudian membelok untuk masuk semula ke dalam laluan beliau tanpa melibatkan pelanggaran di antara motolori beliau dengan motosikal plaintif.

KEPUTUSAN HAKIM MAHKAMAH SESYEN

*Isu liabiliti*

**[3]** Hakim mahkamah sesyen ('HMS') mendapati bahawa versi keterangan plaintif dan defendan berkaitan kejadian tersebut bercanggah sama sekali. Di dalam kes ini tidak ada saksi bebas dan tidak ada mana-mana pihak yang telah disaman oleh pihak polis. HMS juga mendapati bahawa siasatan polis tidak lengkap memandangkan penolong pegawai penyiasat yang hadir memberikan keterangan tidak menyedari kewujudan laporan polis yang dibuat oleh defendan untuk menafikan penglibatan beliau di dalam kemalangan tersebut. Selanjutnya, HMS mendapati motolori yang dipandu oleh defendan dan juga motosikal plaintif tidak diperiksa untuk menentukan sebarang kerosakan akibat dari kemalangan tersebut. Berdasarkan fakta-fakta relevan ini, HMS sukar untuk menentukan bagaimana kemalangan ini berlaku, apatah lagi mengatakan bahawa kemalangan ini disebabkan oleh kecuaian pihak defendan.

**[4]** Setelah mendengar keterangan, HMS telah membuat dapatan bahawa plaintif gagal membuktikan kemalangan tersebut adalah disebabkan oleh kecuaian defendan. Plaintif juga telah gagal membuktikan bahawa kenderaan defendan terlibat di dalam kemalangan tersebut. HMS selanjutnya menyatakan alasan beliau dalam membuat dapatan tersebut, di mana secara ringkasnya beliau merumuskan bahawa tiada sebarang gambar diambil untuk menunjukkan kerosakan kenderaan dan juga penglibatan motolori di dalam kemalangan tersebut tidak dapat disahkan oleh penolong pegawai penyiasat ataupun pihak bebas yang lain.

*Isu kuantum*

**[5]** Mengenai isu kuantum, bagi kecederan kepatahan tibia dan fibula sebelah kiri (*closed fracture of left tibia and fibula*) tanpa kependekan dengan kecacatan dan parut, HMS memutuskan bahawa awad yang wajar diberikan adalah sebanyak RM22,000.

HUJAHAN PEGUAM PERAYU/PLAINTIF

*Isu liabiliti*

**[6]** Encik S Viswanathan, peguamcara bagi pihak plaintif menghujahkan

bahawa HMS telah terkhilaf dalam membuat keputusan mengenai isu liabiliti kerana gagal mempertimbangkan keterangan yang material dan HMS tidak objektif serta menyebelahi satu pihak sahaja ketika menilai keterangan relevan (*non-consideration of material evidence and appreciation of evidence is not objective and one sided*). Encik S Viswanathan selanjutnya menyatakan bahawa HMS secara asasnya telah tersalah arah di mana seseorang akan mengatakan dengan yakin bahawa tiada mahkamah (hakim) munasabah yang akan membuat rumusan yang sama (dengan keputusan kes ini) sekiranya ia secara wajar mengarahkan dirinya dan menanyakan soalan yang tepat (*the trial court has so fundamentally misdirected itself, that one may safely say that no reasonable court which had properly directed itself and asked the correct question would have arrived at the same conclusion*).

**[7]** Encik S Viswanathan menyatakan bahawa HMS telah terkhilaf berdasarkan hujahan-hujahan yang berikut:

(a) ketika perbicaraan pihak plaintif telah dikejutkan dengan fakta yang baru (*taken by surprise*) kerana tidak dimaklumkan lebih awal dengan keterangan defendan yang mendakwa bahawa plaintif telah berlanggar dengan kereta jenis Kancil bernombor WEB 1278. Ini kerana keterangan ini tidak dinyatakan di dalam pernyataan pembelaan defendan. Kegagalan defendan untuk memplidkan keterangan ini jelas 'took the plaintiffs by surprise' dan tidak mematuhi peruntukan A 18 k 8(1) Kaedah-Kaedah Makamah Tinggi 1980 selaras dengan keputusan kes *Kamalam a/p Raman v Eastern Plantation Agency (Johore) Sdn Bhd Ulu Tiram Estate, Ulu Titam, Johore & Anor* [1996] 4 MLJ 674;

(b) plaintif telah mengalihkan beban pembuktian kepada defendan apabila terdapat pengakuan (*admission*) oleh defendan bahawa terdapat pelanggaran di antara motosikal plaintif dan motolori defendan selepas motosikal plaintif berlanggar dengan kereta Kancil WEB 1278. Pengakuan ini diberikan ketika peguamcara defendan memberikan cadangan di dalam pemeriksaan terhadap penolong pegawai penyiasat yang diturunkan seperti berikut:

> Q8: Cadang: Sebelum motosikal itu berlanggar dengan lori defendan, motosikal tersebut telahpun terlibat dalam satu kemalangan dengan sebuah lagi motokar bernombor WEB 1278?
>
> A : Saya tidak pasti.

Kegagalan HMS mempertimbangkan keterangan ini merupakan sesuatu kegagalan yang membawa padah (*fatal*) berdasarkan kes *Faizal bin Osman v Neelakandan a/l Manarsamy* [2008] 8 MLJ 55; [2008] 9 CLJ 536; dan

(c) HMS gagal menanyakan soalan kepada diri sendiri ataupun tersalah arah dalam mengarahkan minda beliau untuk menjawab persoalan tentang

bagaimanakah defendan mendapatkan maklumat berkaitan kereta Kancil WEB 1278 sedangkan kereta Kancil tersebut tidak tercatit di dalam laporan polis defendan dan pihak polis juga tidak mempunyai pengetahuan mengenai penglibatan kereta Kancil tersebut di dalam kemalangan ini. Tambahan pula, kelewatan defendan membuat laporan polis dan kegagalan defendan menyatakan dengan jelas bagaimana kereta tersebut terlibat di dalam kemalangan ini menunjukkan bahawa defendan bukanlah saksi yang boleh dipercayai. Oleh itu, peguamcara plaintif mendakwa bahawa kegagalan HMS ini merupakan satu salah arah yang nyata berdasarkan kes *Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor* [1995] 3 MLJ 395.

*Isu kuantum*

**[8]** Peguam plaintif, Encik S Viswanathan menghujahkan bahawa HMS telah memberikan award RM22,000 bagi kecederaan kepatahan tibia dan fibula sebelah kiri (*closed fracture of left tibia and fibula*) tanpa kependekkan dengan kecacatan dan parut tanpa mengemukakan sebarang kes untuk menyokong keputusan beliau. Peguam plaintif berhujah bahawa berdasarkan kes Mahkamah Persekutuan, *Tay Tong Chew & Anor v Abdul Rahman bin Haji Ahmad* [1985] 1 MLJ 50, Mahkamah Tinggi ini boleh menimbangkan semula keputusan HMS tersebut. Beliau selanjutnya menghujahkan seperti berikut:

(a) Bagi kecederaan kepatahan tibia dan fibula dengan plating (*fracture of left tibia and fibula with plating*), award berjumlah RM35,000 wajar diberikan berdasarkan kes *Lim Soon Lai & Anor v Ganapathy a/l Vithalinga* [2007] 1 PIR; *Abdul Aziz B Nyan Din v Murugaiya a/l Raman & Anor*.

(b) Bagi kecederaan susut otot (*muscle wasting*) peguam plaintif mencadangkan bahawa jumlah RM5,000 adalah wajar berdasarkan kes *Salamat b Khamis v Ahmad Abdullah* [2010] 1 PIR 31.

(c) Bagi parut (*scars*) pihak plaintif menghujahkan bahawa jumlah RM10,000 wajar diberikan berdasarkan kes-kes *Mohd Al Mu'min b Shamsudin v Selamah Bt Jamal* [2008] 2 PIR [9]; *Baharudin B Sulong v Hiew Chong Choo* [2008] 1 PIR [40]; *Saravanan a/l M Ramasamy v Muniyandi* [2003] (3) MLJ p iv; *Rayappan a/l Pernandis & Anor v Shaik Dawood a/l Senni Mohammed* [2009] 2 PIR [42]; *Suresh a/l Krishnan & Anor v Tai Cheng Rui & Anor* [2009] 2 PIR [52]; dan kes *Mohd Yunan b Che Ya v Azami b Ahmad & Anor* [2009] 2 PIR [50].

(d) Bagi keilatan pergelangan kaki yang terhad (*ankle restriction*) pihak plaintif mencadangkan bahawa award berjumlah RM5,000 adalah wajar kerana keilatan ini akan memberi kesan kepada plaintif ketika beliau bersembahyang.

**[9]** Secara ringkasnya, award yang dirayu oleh peguam plaintif untuk kecederaan kepatahan tibia dan fibula sebelah kiri (*closed fracture of left tibia and fibula*) tanpa kependekan dengan kecacatan dan parut secara keseluruhanya adalah sebanyak RM50,000 setelah ditolak pertindihan (*overlapping*) sebanyak RM5,000.

HUJAHAN PEGUAM RESPONDEN/DEFENDAN

*Isu liabiliti*

**[10]** Encik Ganesh Subramaniam, peguamcara bagi pihak defendan menghujahkan bahawa berdasarkan kepada keterangan yang diberi di mahkamah, plaintif telah menyatakan bahawa kemalangan berlaku lebih kurang pukul 3 petang. Beliau telah memaklumkan mengenai kejadian ini kepada polis melalui laporan yang dibuat. Namun begitu, pihak polis telah gagal untuk melakukan satu penyiasatan yang menyeluruh berkenaan kes ini. Ini adalah kerana pihak polis hanya menyediakan rajah kasar tempat kejadian namun mereka telah gagal untuk membuat siasatan secara terperinci di tempat kejadian berkenaan. Tambahan pula, kemalangan ini dikatakan berlaku pada pukul 3 petang, jadi adalah mustahil bahawa tiada saksi bebas yang melihat kejadian ini. Maka, satu-satunya rumusan yang boleh dibuat berkenaan fakta ini adalah bahawa pegawai polis telah gagal untuk menyiasat kes ini secara menyeluruh dan terperinci.

**[11]** Peguamcara defendan selanjutnya menyatakan bahawa tiada sebarang bukti yang dikemukakan mengenai kerosakan pada motosikal plaintif. Oleh itu adalah mustahil untuk seorang pegawai polis menyiasat sesuatu kemalangan tanpa melihat dan menaksirkan kerosakan yang telah dialami oleh motosikal berkenaan.

**[12]** Peguamcara defendan juga menghujahkan bahawa HMS telah membuat dapatan dengan betul dan tepat apabila memutuskan bahawa pihak plaintif telah gagal untuk membuktikan penglibatan motolori defendan dengan kemalangan tersebut dan oleh yang demikian plaintif telah gagal untuk membuktikan kes mereka. Selanjutnya HMS juga telah menyatakan bahawa beban bukti adalah terletak di pihak plaintif untuk membuktikan kecuaian defendan, akan tetapi pihak plaintif dalam tindakan ini telah gagal untuk membuktikan sebarang unsur kecuaian di pihak defendan. Pendekatan HMS dalam membuat keputusan kes ini adalah selaras dengan kes *Hitam bin Abdullah & Anor v Kok Foong Yee (f) & Anor* [1974] 1 MLJ 193; *Yahaya bin Mohamad v Chin Tuan Nam* [1975] 2 MLJ 117 dan juga kes *Rasidin bin Partorjo v Frederick Kiai* [1976] 2 MLJ 214.

*Isu kuantum*

**[13]** Peguamcara defendan, Encik Ganesh Subramaniam berhujah bahawa

HMS telah membuat satu keputusan yang betul mengenai isu kuantum. Ketika perbicaraan di hadapan HMS, peguamcara pihak plaintif telah memohon untuk berhujah secara lisan. Akan tetapi mereka tidak berhujah berkenaan isu kuantum dan beliau juga tidak membalas kepada hujahan pihak defendan berkenaan isu ini. Oleh yang demikian, keputusan HMS untuk memberi award sebanyak RM22,000 sebagai ganti rugi am tidak boleh dipertikaikan oleh pihak perayu.

KEPUTUSAN MAHKAMAH DALAM ISU LIABILITI

**[14]** Dalam memutuskan isu liabiliti ini, saya telah berpeluang melihat kepada nota keterangan, alasan penghakiman HMS dan juga hujahan bertulis pihak peguamcara plaintif serta hujahan peguamcara defendan. Di sini saya hanya akan membincangkan hujahan-hujahan tertentu yang relevan sahaja selaras dengan keputusan saya.

**[15]** Merujuk kepada hujahan peguamcara plaintif yang mendakwa bahawa kegagalan defendan untuk memplidkan fakta mengenai penglibatan kereta Kancil bernombor WEB 1278 jelas 'took the plaintiffs by surprise' dan tidak mematuhi peruntukan A 18 k 8(1) Kaedah-Kaedah Makamah Tinggi 1980 [PU(A) 50/1980]; saya berpendapat bahawa hujahan ini tidak boleh diterima kerana defendan jelas telah memplidkan isu mengenai penglibatan kenderaan lain di dalam kes kemalangan ini. Berikut diturunkan perenggan berkaitan di dalam pembelaan defendan yang menyatakan sedemikian:

> Kecuali diakui bahawa terdapat suatu kemalangan jalanraya pada tarikh dan dekat tempat yang dinyatakan antara motokar dan sebuah motosikal, perenggan 3 dalam pernyataan tuntutan dinafikan. Defendan khususnya menafikan bahawa motolori mereka telah terlibat dalam apa-apa kemalangan dengan motosikal No WGA 9084 dan/atau plaintif.

**[16]** Berdasarkan ayat 'Kecuali diakui bahawa terdapat suatu kemalangan jalanraya pada tarikh dan dekat tempat yang dinyatakan antara motokar dan sebuah motosikal', adalah jelas bahawa defendan dari mula lagi telah berpendirian bahawa pelanggaran yang berlaku di dalam kes ini hanya melibatkan sebuah motokar dan sebuah motosikal serta tidak melibatkan motolori defendan. Walaupun defendan tidak menyatakan jenis dan nombor motokar berkaitan, pembelaan tersebut adalah memadai dan cukup untuk memberitahu plaintif bahawa pembelaan utama yang diplidkan ialah bahawa pelanggaran hanya melibatkan motosikal plaintif dengan sebuah motokar dan bukanya motolori defendan. Perincian mengenai jenis dan nombor kenderaan tersebut hanya diberikan ketika perbicaraan oleh defendan berdasarkan kepada pembelaan yang diplidkan oleh defendan mengenai isu tersebut. Oleh itu boleh dikatakan plaintif mengetahui dari mula bahawa pembelaan defendan

adalah berasaskan kepada fakta yang mendakwa bahawa terdapat sebuah kereta yang sebenarnya berlanggar dengan motosikal plaintif. Ini dengan jelas menunjukkan bahawa pendekatan defendan dalam isu ini tidak membawa kepada tindakan yang 'took the plaintiffs by surprise' dan ia masih mematuhi kehendak A 18 k 8(1) Kaedah-Kaedah Makamah Tinggi 1980.

**[17]** Seterusnya saya merujuk kepada hujahan pihak plaintif yang mendakwa bahawa terdapat pengakuan (*admission*) oleh pihak defendan bahawa terdapat pelanggaran di antara motosikal plaintif dan motolori defendan selepas motosikal plaintif berlanggar dengan kereta Kancil WEB 1278. Peguamcara plaintif menghujahkan bahawa pengakuan ini diberikan berdasarkan kepada pengakuan oleh peguamcara defendan ketika memberikan cadangan di dalam pemeriksaan terhadap penolong pegawai penyiasat. Saya berpendirian bahawa hujahan peguamcara plaintif ini tidak benar kerana soalan atau cadangan yang dilontarkan oleh peguamcara defendan ketika pemeriksaan terhadap saksi penolong pegawai penyiasat tidak boleh dianggap sebagai pengakuan (*admission*) oleh pihak defendan. Ini kerana soalan atau cadangan tersebut boleh dianggap sebagai cadangan semata-mata dan lanjutan dari versi keterangan plaintif yang mendakwa terdapat pelanggaran di antara motosikal plaintif dan motolori defendan. Dalam isu ini, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab peguamcara defendan untuk melontarkan soalan atau cadangan ketika pemeriksaan balas dilakukan terhadap penolong pegawai penyiasat dengan tujuan untuk menunjukkan kepada mahkamah versi manakah yang benar berdasarkan keterangan penolong pegawai penyiasat tersebut. Oleh itu, pendekatan peguamcara defendan dalam memberikan cadangan tersebut tidak wajar dianggap sebagai satu pengakuan atau 'admission'.

**[18]** Saya selanjutnya merujuk kepada hujahan peguam plaintif yang menyatakan bahawa HMS gagal menanyakan soalan kepada diri sendiri ataupun tersalah arah dalam mengarahkan minda beliau untuk menjawab persoalan tentang bagaimanakah defendan mendapatkan maklumat berkaitan kereta Kancil WEB 1278 sedangkan kereta Kancil tersebut tidak tercatit di dalam laporan polis defendan dan pihak polis juga tidak mempunyai pengetahuan mengenainya. Dalam menimbangkan hujahan ini, saya berpendapat bahawa pendekatan HMS dalam menilai keterangan berkaitan isu keterangan defendan mengenai kereta Kancil WEB 1278 adalah wajar dan tidak tersalah arah dalam membuat dapatan fakta ini. Ini kerana HMS di dalam alasan penghakiman beliau tidak mempertikaikan kredibiliti defendan dan dalam masa yang sama beliau tidak juga mempertikaikan kredibiliti plaintif. Cubaan peguamcara plaintif untuk mempertikaikan kredibiliti defendan atas sebab kelewatan defendan dalam membuat laporan polis dan atas dakwaan bahawa kononnya defendan mereka cerita mengenai kewujudan kereta tersebut jelas tidak memadai untuk HMS membuat dapatan bahawa

defendan adalah seorang yang tidak boleh dipercayai. Saya bersetuju dengan pendekatan HMS ini kerana di hadapan beliau hanya terdapat dua versi yang berbeza di mana masing-masing melalui keterangan plaintif dan defendan sendiri. Keterangan penolong pegawai penyiasat pula jelas tidak membantu. Ini kerana tidak terdapat bukti senyap, seperti kerosakan kenderaan dan rajah kasar mengenai bagaimana pelanggaran berlaku bagi membantu HMS untuk merumuskan pihak manakah yang tidak boleh dipercayai. Kelewatan defendan dalam membuat laporan polis dan kegagalan defendan menyatakan jenis dan nombor kereta Kancil tersebut bukanlah sebab yang baik untuk merumuskan bahawa defendan seorang yang tidak boleh dipercayai.

**[19]** Sebagai hakim yang menjalankan kuasa rayuan, saya perlu meneliti sama ada HMS telah membuat keputusan yang betul berdasarkan keterangan-keterangan yang dikemukakan di hadapan beliau dan seterusnya memutuskan sama ada pendekatan beliau berdasarkan prinsip yang salah, gagal mempertimbangkan fakta relevan ataupun keputusan beliau jelas salah. Dalam menentukan pendekatan HMS mengenai perkara ini, saya perlu menilai alasan penghakiman beliau dan juga keterangan-keterangan saksi dan juga keterangan dokumentari yang terdapat di dalam rekod rayuan. Berdasarkan alasan penghakiman HMS, beliau mendapati bahawa versi keterangan plaintif dan defendan mengenai kejadian tersebut bercanggah sama sekali. Di dalam kes ini tidak ada saksi bebas dan tidak ada mana-mana pihak yang telah disaman oleh pihak polis. HMS juga mendapati bahawa siasatan polis tidak lengkap memandangkan penolong pegawai penyiasat yang hadir memberikan keterangan tidak menyedari kewujudan laporan polis yang dibuat oleh defendan untuk menafikan penglibatan beliau di dalam kemalangan tersebut. Selanjutnya, HMS mendapati motolori yang dipandu oleh defendan dan juga motosikal plaintif tidak diperiksa untuk menentukan sebarang kerosakan akibat dari kemalangan tersebut. Berdasarkan fakta-fakta relevan ini, HMS sukar untuk menentukan bagaimana kemalangan ini berlaku, apatah lagi mengatakan bahawa kemalangan ini disebabkan oleh kecuaian pihak defendan. Secara keseluruhanya, berdasarkan alasan yang saya huraikan di atas dan setelah merujuk kepada alasan penghakiman HMS, saya mendapati bahawa tiada sebarang asas atau sebab untuk saya mengganggu dapatan HMS dalam kes ini.

**[20]** Adalah menjadi suatu prinsip yang mantap bahawa beban pembuktian adalah terletak di bahu plaintif untuk membuktikan kesnya di atas imbangan kebarangkalian. Oleh itu, selagi plaintif tidak berjaya membuktikan kesnya, bukanlah tugas defendan untuk menunjukkan beliau tidak cuai dalam kemalangan tersebut. Prinsip ini jelas digariskan di dalam kes *Krishna Murthey & Anor v Law Lye Chua* [1992] 1 CLJ 684; *Loh Jue Tee & Anor v Low Chick Sum*

[1989] 3 MLJ 332; *Ong Cheng Wah & Anor v Supramaniam a/l Arjunan* [2001] MLJU 291; [2001] 4 CLJ 202, dan *Wong Thin Yit v Mohamed Ali* [1971] 2 MLJ 175.

**[21]** Berdasarkan kes-kes tersebut, adalah jelas bahawa pendekatan HMS dalam menilai dan mempertimbangkan bukti-bukti serta keterangan-keterangan yang relevan adalah wajar dan boleh diterima. Tiada sebarang salah arah, kesilapan penilaian fakta atau kesalahan prinsip yang dilakukan oleh HMS dalam memutuskan bahawa paintif telah gagal membuktikan kesnya terhadap defendan. Oleh itu, saya sebagai hakim yang menjalankan kuasa rayuan terikat dengan prinsip-prinsip yang telah diagriskan oleh kes-kes berikut.

**[22]** Di dalam kes *Ong Kim Hai v Kusaini bin Surip* [1984] 2 MLJ 285; [1984] 1 CLJ 310 (Rep); [1984] 2 CLJ 281, Mahkamah Persekutuan dalam memperjelaskan penggunaan kuasa rayuan telah berkata seperti berikut:

> The approach to the exercise of the power available to an appellate court is as stated by Lord Denning MR in *Kerry v Carter* [1969] 1 WLR 1372 where he said:
>
> > I think that the attitude of this court was correctly stated in that case (*Brown v Thompson* [1968] 1 WLR 1003 at p 1012, by Edmund Davies LJ when he quoted from the judgment of Sellers LJ in *Qunitas v National Smelting Board* [1961] 1 WLR 401, 409). This court adopts in regard to apportionment the same attitude as it does to damages. We will interfere if the judge has gone wrong in principle or is shown to have misapprehended the facts; but, even if neither of these is shown, we will interfere if we are of opinion that the judge was clearly wrong.

**[23]** Di dalam kes *China Airlines Ltd v Maltran Air Corp Sdn Bhd (formerly known as Maltran Air Services Corp Sdn Bhd) and another appeal* [1996] 2 MLJ 517; [1996] 3 CLJ 163, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan pendekatan yang wajar:

> It is settled principle of law that in an appeal, where facts have to be reviewed, it is undesirable that the findings of the court below should be disturbed by a court of appeal unless it appears that those findings are clearly wrong, and more especially that it is undesirable to do so where the conclusions reached must to a large extent depend on the credibility of the witnesses and the impression formed by a court which has seen them and can judge their honesty and accuracy (*Crofter Hand Woven Harris Tweed Co Ltd & Ors v Veitch & Anor* [1942] 1 All ER 142 (HL) per Lord Porter at p 167).

**[24]** Berdasarkan prinsip-prinsip yang digariskan oleh kes-kes di atas, saya wajib memastikan bahawa HMS telah secara jelas melakukan kesalahan dalam menggunapakai prinsip yang jelas salah dalam membuat keputusan sekiranya

saya ingin menggangu atau menggantikan dapatan HMS mengenai isu liabiliti ini. Adalah menjadi keputusan saya bahawa tiada sebarang salah arah yang nyata atau kesilapan pemakaian prinsip undang-undang yang telah dilakukan oleh HMS ketika membuat keputusan tersebut. Oleh itu, saya dengan ini mengekalkan keputusan HMS yang mendapati bahawa plaintif gagal membuktikan kesnya terhadap defendan.

KEPUTUSAN MAHKAMAH DALAM ISU KUANTUM

**[25]** Setelah mempertimbangkan rayuan plaintif mengenai isu kuantum bagi kecederaan-kecederaan berkaitan, saya memutuskan seperti berikut:

(a) bagi kecederaan kepatahan tibia dan fibula sebelah kiri (*fracture of left tibia and fibula*), saya menaikkan award berjumlah RM22,000 kepada RM25,000 berdasarkan kes yang dikemukakan oleh plaintif iaitu *Lim Soon Lai & Anor v Ganapathy a/l Vithalinga* [2007] 1 PIR dan kes *Abdul Aziz B Nyan Din v Murugaiya a/l Raman & Anor*. Jumlah ini bagi saya adalah lebih wajar kerana bersesuaian dengan award semasa dan terkini;

(b) bagi kecederaan susut otot (*muscle wasting*) yang tidak dibenarkan oleh HMS, saya membenarkan rayuan plaintif dan memberikan award RM5,000 selaras dengan kes *Salamat b Khamis v Ahmad Abdullah* [2010] 1 PIR [31];

(c) bagi parut (*scars*) saya membenarkan rayuan plaintif dan memberikan award sebanyak RM5,000 kerana ia wajar diberikan dan jumlah ini adalah jumlah yang munasabah serta mengikut tren terkini berdasarkan kepada kes-kes yang dirujuk oleh peguam plaintif iaitu kes-kes berikut; *Mohd Al Mu'min b Shamsudin v Selamah Bt Jamal* [2008] 2 PIR; *Baharudin B Sulong v Hiew Chong Choo* [2008] 1 PIR [40]; *Saravanan a/l M Ramasamy v Muniyandi* [2003] (3) MLJ iv; *Rayappan a/l Pernandis & Anor v Shaik Dawood a/l Senni Mohammed* [2009] 2 PIR [42]; *Suresh a/l Krishnan & Anor v Tai Cheng Rui & Anor* [2009] 2 PIR [52]; dan kes *Mohd Yunan b Che Ya v Azami b Ahmad & Anor* [2009] 2 PIR [50]; dan

(d) bagi keilatan pergelangan kaki yang terhad (*ankle restriction*), saya tidak membenarkan rayuan plaintif dan tiada sebarang award diberikan bagi keilatan ini kerana ia sepatutnya dimasukkan dalam kecederaan kepatahan tibia dan fibula sebelah kiri (*closed fracture of left tibia and fibula*) di atas.

KESIMPULAN

**[26]** Berdasarkan alasan-alasan di atas, tiada sebarang salah arah yang nyata atau kesilapan penilaian fakta atau kesalahan pemakaian undang-undang yang

telah dilakukan oleh HMS dalam dapatan beliau bahawa plaintif gagal membuktikan bahawa kenderaan motolori defendan terlibat dalam kemalangan dengan motosikal plaintif dan selanjutnya memutuskan plaintif gagal membuktikan kesnya terhadap defendan. Oleh kerana keputusan HMS adalah tepat dan betul, maka tiada sebab bagi saya sebagai hakim yang menjalankan kuasa-kuasa rayuan untuk menggangu keputusan beliau dalam isu liabiliti dan keputusan tersebut adalah dengan ini dikekalkan. Bagi isu kuantum pula, saya membenarkan sebahagian rayuan sebagaimana yang saya putuskan seperti di atas.

**[27]** Rayuan terhadap liabiliti ditolak. Rayuan terhadap kuantum dibenarkan sebahagiannya. Tiada perintah dibuat mengenai kos.

*Rayuan terhadap liabiliti ditolak dan sebahagian rayuan terhadap kuantum dibenarkan tanpa perintah untuk kos.*

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum